

15/01/1997

Syarikat Malaysia meterai MOU IT

Mustapha Omar in Los Angeles

DUA syarikat Malaysia yang terbabit dalam industri teknologi maklumat (IT), semalam menandatangani memorandum persefahaman (MOU) dengan pengusaha Amerika Syarikat, bagi melaksanakan pelbagai projek membabitkan bidang IT.

Selain itu, enam lagi syarikat tempatan turut menandatangani perjanjian dengan pengusaha negara berkenaan, bagi membolehkan mereka menjalin kerjasama dalam pelbagai bidang berkaitan industri itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang kini dalam rangka lawatan kerja selama seminggu di Amerika Syarikat, turut menyaksikan majlis yang diadakan di sebuah hotel terkemuka di Los Angeles, California.

Arab-Malaysian Corporation Berhad (Amcorp) menandatangani MOU dengan Media SuperCollider Inc, syarikat pembinaan perisian pelbagai guna dan permainan komputer dalam Internet.

Media SuperCollider adalah syarikat milik Shahril Ibrahim, rakyat Malaysia yang berjaya mencipta nama dalam industri perfileman Hollywood apabila mencipta robot Sil watak utama dalam filem Species.

Pelaburan Amcorp dalam Media SuperCollider membolehkannya menguasai syarikat berkenaan yang kini memberi tumpuan kepada kegiatan berasaskan Hiburan Internet, membabitkan teknologi grafik komputer dan multimedia.

MOU itu ditandatangani Richard Azlan Abas yang mewakili Amcorp, manakala Media SuperCollider oleh Shahril selaku Ketua Pegawai Operasi syarikat itu.

Sementara itu, KUB IT Sdn Bhd, anak syarikat Kumpulan Koperasi Usaha Bersatu Bhd (KUB) pula menandatangani perjanjian kerjasama bijak dengan Science Applications International Corporation (SAIC), syarikat berasaskan kejuruteraan yang berpejabat di San Diego.

Kedua-dua syarikat berhasrat bekerjasama merebut peluang perniagaan dalam bidang teknologi maklumat, termasuk perancangan program, reka bentuk sistem dan pelaksanaannya.

KUB dan SAIC akan melaksanakan pelbagai projek membabitkan pendidikan jarak jauh, kerajaan elektronik, telekomunikasi, bandar bistari, pengangkutan dan bangunan bijak serta perlindungan maklumat.

Syarikat lain yang turut menandatangani perjanjian ialah Infra Kekal dan Todd-AO, Combro Technology-Oracle, CommerceNet Sdn Bhd-Open Market Incorporated dan Utusan PNMB Online Sdn Bhd-Excalibur Technologies.

(END)